



**[THE EXCELLENT GOOD GOVERNANCE OF SURAU NATIONAL
SECONDARY SCHOOL (NSS) IN MALAYSIA]
KECEMERLANGAN URUS TADBIR SURAU-SURAU SEKOLAH
MENENGAH KEBANGSAAN (SMK) DI MALAYSIA**

Abdul Munir Ismail*

¹ Jabatan Pengajian Islam, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Perguruan Sultan Idris
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

*Corresponding author: abdmunir@fsk.upsi.edu.my

Received Date: 18 October 2018 • Accepted Date: 10 April 2019

Abstract

This study aims to see the governance of surau built within the secondary school area in Malaysia serves as a place of worship for all students and staff school. This study also want to see the efficiency of financial management encompassing the source of funds as well as spending on activities in the surau. In addition, the study was also held to fill the dakwah activities in surau. This study uses library research and field research methods. Qualitative field research methods was involve to interviews eight selected respondents in secondary schools. Structured interviews were conducted for teachers appointed as surau members with their principal's approval. Research instruments are referring to management and administration of surau, financial and management of da'wah activities in surau. The data were analyzed using descriptive method. Descriptive analysis describes the efficiency of surau governance, ideal surau administrators, financial management and surau activities that are beneficial to all staff school. The research findings find that surau governance is a necessary skill for someone to have a strategies and implement the strategies through a work process to achieve a defined goal. If the surau governance system is not well organized and imperfect, the daily activities of the surau will be difficult and complicated to carry out activities. Findings also found that school surau finances are managed efficiently and perfectly. There is also a da'wah activity in the school surau, can be effectively implemented. Through the dakwah activities that are beneficial to the students can build up excellent personality and high academic performance.

Keywords: surau SMK, good governance, financial management, dakwah activity, excellence

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat urus tadbir surau-surau yang dibina dalam kawasan sekolah menengah di Malaysia berfungsi sebagai tempat ibadah kepada seluruh warga sekolah dan para pelajar. Kajian juga melihat kecekapan pengurusan kewangan mencakupi sumber dana serta

perbelanjaan melaksanakan aktiviti di surau. Selain itu, turut dikaji pengisian aktiviti dakwah di surau sekolah. Kajian ini menggunakan kaedah kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian lapangan berbentuk kualitatif melibatkan temu bual terhadap lapan orang responden di sekolah menengah terpilih. Temubual secara berstruktur dilakukan kepada guru yang dilantik sebagai ahli jawatan kuasa surau setelah mendapat kelulusan pengetua sekolah. Instrumen kajian berkisar tentang pengurusan dan pentadbiran surau, kewangan dan pengurusan aktiviti dakwah di surau. Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif. Analisis deskriptif menjelaskan urus tadbir surau yang cekap, pentadbir surau yang ideal, pengurusan kewangan dan pengisian aktiviti surau yang bermanfaat kepada warga sekolah. Hasi kajian mendapati ilmu urus tadbir surau adalah suatu kemahiran yang perlu ada pada diri seseorang untuk merancang dan melaksanakan perancangan tersebut melalui proses kerja bagi mencapai sesuatu matlamat yang telah ditetapkan. Jika sistem urus tadbir surau tidak diorganisasikan dengan baik dan sempurna, aktiviti harian surau akan mengalami kepincangan dan kesukaran dalam melaksanakan aktiviti. Dapatan juga mendapati kewangan surau sekolah diurus dengan cekap dan sempurna. Ada pun aktiviti dakwah di surau sekolah, dapat dilaksanakan dengan berkesan. Menerusi aktiviti dakwah yang bermanfaat kepada para pelajar, program tersebut dapat membina sahsiah cemerlang dan meningkatkan prestasi akademik.

Kata kunci: surau SMK, urus tadbir, pengurusan kewangan, aktiviti dakwah, kecemerlangan

Cite as: Abdul Munir Ismail. (2019). Kecemerlangan urus tadbir surau-surau sekolah menengah kebangsaan (SMK) di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 20(2), 40-54.

PENDAHULUAN

Surau merupakan salah satu tempat beribadat dalam Islam perlu dirancang, dipimpin, diurus dan ditadbir dengan baik serta berlandaskan ketentuan Syarak agar selari dengan saranan oleh Rasulullah SAW, (Mohd. Ismail 2008). Adalah menjadi suatu kewajipan kepada umat Islam untuk melaksanakan ibadah solat lima waktu ketika berada di tempat kerja seperti sekolah dan sebagainya. Dalam tulisan ini pengkaji akan memfokuskan kepada mereka yang terlibat dalam melaksanakan aktiviti pengurusan dan pentadbiran surau sekolah menengah di Malaysia. Sesungguhnya kecemerlangan pengurusan surau melahirkan kesan pembelajaran pendidikan Islam terutamanya amali solat serta kegiatan keagamaan Islam di sekolah. Hal ini telah memberi kesedaran pihak kerajaan untuk menyediakan keperluan pembinaan tempat bagi murid-murid menunaikan solat di waktu persekolahan. Sehingga kini bilangan surau sekolah di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia telah melebihi 1,765 buah surau sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia 2012) dan jumlah tersebut meningkat dari tahun ke tahun kerana pertambahan sekolah menengah baharu. Kemudahan surau sekolah membolehkan murid-murid menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang muslim di samping melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan di sekolah (Ab. Halim et al. 2003; Mohd Ismail & Kamarul Azmi 2008).

Tujuan pembinaan surau sekolah adalah untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam serta meningkat penghayatan Islam di kalangan para pelajar. Khairul Muna (2018) mengatakan pelajar sekolah boleh dibentuk peribadi mereka menerusi aktiviti pembelajaran berasaskan aktiviti surau sekolah yang menarik. Surau sekolah yang diurus tadbir dengan sempurna oleh ahli jawatankuasa surau sekolah menjadi pendorong kepada semua pelajar dan kakitangan sekolah menyertai aktiviti surau sekolah. Keperluan surau adalah amat penting kerana di dalam mata pelajaran Pendidikan

Islam KBSM, aspek penghayatan dan amali telah menjadi salah satu komponen utama di dalam pelaksanaannya (Ab. Halim et al. 2003). Pembinaan surau sesebuah sekolah menengah adalah bergantung kepada budibicara dan kesungguhan pentadbir sekolah dan sokongan Persatuan Iubapa dan Guru (PIBG) menyediakan prasarana ibadat kepada para pelajar. Pada masa kini, semua sekolah menengah di Malaysia yang mempunyai pelajar-pelajar dan guru-guru Islam telah menyediakan kemudahan surau bagi memenuhi keperluan dan pelaksanaan pendidikan Islam.

Fungsi utama surau sekolah adalah sebagai tempat warga sekolah melaksanakan ibadat solat, menjalankan kegiatan amali pendidikan Islam, menanamkan semangat mencintai agama, menghayati ajaran Islam dan membina roh persaudaraan Islam dalam kalangan guru-guru dan murid-murid Islam (Bahagian Pendidikan Islam 1989). Jika dirujuk kepada satu Pekeliling/Surat Rasmi daripada Bahagian Pendidikan Islam, KP.5206/12/5/ (17), bertarikh 2 Mac 1989 menyatakan bahawa pengetua sekolah selaku pentadbir digalakan membangunkan surau sebagai memenuhi kegiatan sprituil keagamaan pelajar Islam. Berdasarkan pernyataan rasmi itu, dapat difahamkan bahawa matlamat pembinaan surau di sekolah-sekolah sama ada peringkat rendah atau menengah adalah berfungsi sebagai 'makmal pendidikan rohani' dalam pendidikan Islam sama ada aktiviti kurikulum atau kokurikulum (Ab. Halim et al. 2003).

Kementerian Pendidikan Malaysia melalui satu pekeliling ikhtisas Bil 14/1998 memberi garis panduan pembinaan surau sekolah menengah untuk dipatuhi oleh pihak pentadbir sekolah. Antaranya menetapkan pembinaan surau untuk sekolah-sekolah menengah perlu mempunyai mempunyai spesifikasi berikut,

1. Sekolah yang mempunyai 12 hingga 18 bilik darjah, keluasan untuk bilik sembahyang ialah 90 meter persegi (4 petak = 7.5 meter panjang X 12 meter lebar).
2. Sekolah yang mempunyai 24 hingga 36 bilik darjah, keluasan untuk bilik sembahyang ialah 135 meter persegi (6 petak = 7.5 meter panjang x 18 meter lebar).
3. Keluasan bilik wuduk ialah 45 meter persegi (2 petak = 7.5 panjang x 6 meter lebar) dan dibahagikan dua: 1 bilik wuduk lelaki dan 1 bilik wuduk perempuan.

Jika diteliti secara lebih khusus, Bahagian Pendidikan Islam (1989) menyediakan panduan bagi pembinaan surau-surau sekolah menengah kebangsaan dan sekolah berasrama penuh. Surau-surau yang hendak dibina perlu mempunyai ciri-ciri berikut,

1. Surau seluas 5,000 kp (100 kaki x 50 kaki).
2. Mihrab 30 kp (5 kaki x 6 kaki).
3. Perlu ada empat tangga di sebelah kanan dan empat tangga di sebelah kiri bangunan surau, tiap satu selebar 10 kaki, dan satu anak tangga di sebelah belakang, selebar 15 kaki.
4. Bangunan untuk kemudahan berwuduk dan tandas hendaklah dibina berasingan tetapi berhampiran penjuru sebelah belakang bangunan surau.
5. Adapun kategori sekolah yang tidak bercampur pelajar lelaki dan perempuan pembinaan sebuah surau hendaklah mempunyai 15 tap mengambil wuduk, 8 tempat buang air kecil dan dua tandas.
6. Manakala sekolah yang bercampur lelaki dan perempuan perlu mempunyai 10 tap mengambil wuduk, 5 tandas buang air kecil dan 1 tandas untuk pelajar lelaki di samping satu bangunan lain yang mengandungi 5 tap, 3 tap buang air kecil dan 1 tandas untuk pelajar perempuan.

Proses kerja yang berterusan ini dilaksanakan oleh para barisan kepimpinan guru di SMK terpilih adalah bertujuan untuk merubah para pelajar mendekati diri kepada Allah SWT atau secara

beransur-ansur untuk mengamalkan kehidupan menurut cara Islam. Syamsul Bahri Andi Galigo (2003), menjelaskan pelaksanaan program dakwah di surau SMK adalah merupakan suatu proses yang berterusan dan bukan berlaku secara kebetulan melainkan harus melalui perancangan yang kemas yang boleh dilaksanakan dengan baik dan diberi penilaian secara terus menerus agar ianya dapat merubah perilaku sasaran dakwah sesuai dengan matlamat dan tujuan yang telah dirumus.

Jika dirujuk kepada Bahagian Pendidikan Islam (1989) menjelaskan fungsi pembinaan surau sekolah adalah seperti berikut,

1. Tempat ibadat solat untuk murid-murid, guru-guru dan kakitangan sekolah yang beragama Islam.
2. Tempat mengadakan latihan amali mengenai ibadat seperti mengambil wuduk, solat, mandi mayat, bersuci dan lain-lain ibadat fardu ain.
3. Tempat latihan membaca al-Qur'an, bertadarus dan khatam al-Qur'an.
4. Tempat syarahan, ceramah dan kuliah agama terutama selepas solat Maghrib dan Subuh bagi sekolah-sekolah yang berasrama.
5. Tempat mengadakan majlis-majlis hari kebesaran Islam seperti majlis Mawlid al-Rasul, Isra' Mi'raj dan lain-lain.
6. Tempat melaksanakan solat Jumaat jika diperlukan.

Pelaksanaan program dakwah di surau-surau sekolah menengah kebangsaan adalah merupakan suatu proses kerja yang mengandungi rancangan yang tersusun rapi untuk mengajak orang ramai melaksana dan menghayati ajaran Islam demi kebahagiaan yang kekal abadi di dunia dan di akhirat. Ab. Halim Tamuri (2003) menjelaskan hampir semua sekolah di Malaysia, khususnya sekolah-sekolah di bawah bantuan kerajaan, yang mempunyai pelajar-pelajar Islam mempunyai surau atau musolla mereka sendiri. Kemudahan surau sekolah membolehkan para pelajar menunaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang Islam di samping melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan di sekolah.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Menurut Bani Hidayat (2014), fungsi surau sekolah yang terdapat di sekolah menengah kebangsaan dilihat masih berada pada tahap minima dan tidak menepati hasrat matlamat penubuhan surau sekolah menengah untuk mengukuhkan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah-sekolah di Malaysia. Semua aktiviti yang berbentuk kurikulum dan ko-kurikulum dapat dilaksanakan di dalam surau sekolah. Aspek ketenangan dan keselesaan adalah perlu untuk mendapat kekhusyukan beribadat dan keseronokan untuk menuntut ilmu pengetahuan.

Kewujudan surau-surau di sekolah dilihat berfungsi sebagai aktiviti solat khususnya solat Zohor, solat Asar dan aktiviti-aktiviti pengimarah surau sahaja. Ini kerana aktiviti surau amat terbatas kerana kekurangan peralatan, pengurusan yang tidak cekap dan sebagainya. Realiti yang berlaku di sekolah menengah sebagaimana yang ditunjukkan oleh pelbagai kajian berterusan sejak tahun 2003 sehingga 2014. Contoh, kajian oleh Ab. Halim Tamuri et al. (2003), Ibrahim Mohammad (2004), Rusiah Saad (2006) dan Rosli Ibrahim (2011). Mereka terdiri daripada pelbagai institusi dan penyelidik menunjukkan bahawa tahap fungsi dan keberkesanan surau sekolah menengah dalam kalangan guru Pendidikan Islam dan murid masih boleh dipersoalkan terutamanya daripada aspek kemudahan fizikal, pelaksanaan kurikulum dan ko-kurikulum yang menepati Pendidikan Islam. Menurut Kelemahan dari aspek pengurusan dan pentadbiran fail, kewangan dan aktiviti surau menjadi isu dan dibincangkan di peringkat sekolah mahupun jabatan.

Menurut K.A. Jasmi dan M.F. Ilias (2011), jika dilihat dari aspek pendidikan, peranan masjid dan surau hari ini telah menonjolkan pengurusan yang terbaik dengan mengadakan aktiviti aktiviti berbentuk forum, dialog, wacana, kuliah dan sebagainya sebagai tanda kecintaan dan sumbangan kepada pendidikan yang berterusan. Kecemerlangan pendidikan juga terhasil dengan menjadikan tempat yang dirahmati ini sebagai tempat penyebaran dan percambahan ilmu pengetahuan. Namun realiti yang berlaku pada hari ini menunjukkan ciri-ciri itu masih belum dikuasai sepenuhnya oleh pihak pentadbir surau sekolah. Fenomena yang mengecewakan ini dibuktikan dalam banyak kajian sejak tahun 1993 sehingga tahun 2015. Hasil kajian lampau memperlihatkan kualiti urus tadbir surau sekolah kurang memuaskan berbanding tuntutan Islam agar surau itu dimakmurkan dengan jayanya (Bani Hidayat & Nor Hayati Fatmi 2015).

Kewujudan surau dan bilik sembahyang di sekolah-sekolah menengah di Malaysia menjadi penting dan perlu dalam usaha mengukuhkan pengajaran Pendidikan Islam. Kementerian Pendidikan mendapati masih banyak sekolah yang dibina sebelum Rancangan Malaysia Keenam (RMK6) dan Rancangan Malaysia Ketujuh (RMK7) yang belum mempunyai surau atau bilik sembahyang yang tetap dan sesuai untuk menjalankan kegiatan Pendidikan Islam selaras dengan kehendak kurikulum (lihat Pekeliling Ikhtisas BIL. 14/1998). Situasi ini menjadi masalah kepada pihak pengurusan sekolah. Justeru, satu kajian yang mendalam untuk melihat pengurusan dan pentadbiran surau diurus dengan baik dan bersestematik yang melibatkan guru dan pelajar. Apakah faktor-faktor yang dilihat secara teori dapat menyokong urus tadbir surau sekolah dengan berkesan.

METODOLOGI

Kajian ini adalah berbentuk kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian ‘penerokaan’ (*exploratory*), melibatkan kajian perpustakaan (*library*) bagi melengkapkan penyelidikan ini digunakan dokumentasi seperti buku, jurnal, surat pekeliling kerajaan turut digunakan sebagai bahan rujukan. Manakala kajian kualitatif melibatkan lapan orang responden terdiri daripada ahli jawatankuasa surau sekolah dipilih sebagai subjek temubual. Instrumen temu bual berkaitan urus tadbir surau, pengurusan kewangan pelaksanaan aktiviti dakwah di surau sekolah. Kriteria pemilihan surau sekolah berdasarkan pemenang surau terpilih dari seluruh Malaysia iaitu surau SMK Dato’ Haron, Tanjong Karang, surau SMK Alam Megah 2, Shah Alam, Selangor, surau SMK Sri Kurau, Bagan Serai, surau SMK Sultan Yusoff, Batu Gajah Perak, surau SMK Sultan Omar, Dungun, surau SMA Mahmudiah, Kuala Terengganu, surau SMK Sri Kulup, Pontian, Johor dan surau SMK Alor Janggus, Alor Star, Kedah. Dapatan kajian dianalisis menggunakan kaedah deskriptif iaitu menghuraikan secara mendalam terhadap sesuatu isu yang dikaji serta menepati objektif kajian.

PERBINCANGAN DAPATAN KAJIAN

Di bawah topik ini pengkaji akan membincangkan tentang aspek urus tadbir surau yang cekap, pengurusan kewangan dan pengisian aktiviti dakwah di surau sekolah.

Urus Tadbir Surau yang Cekap

Pada umumnya bukan semua surau sekolah menengah memiliki organisasi pengurusan surau yang sistematik. Keadaan ini menyebabkan sistem urus tadbir organisasi surau sekolah menengah dilihat kurang berkesan. Adapun surau sekolah menengah terpilih yang dilawati oleh pengkaji dilihat memiliki struktur susunan organisasi yang tersusun dan selaras. Bagi memantapkan pentadbiran surau sekolah, terdapat satu organisasi yang dinamakan Jawatankuasa Pengurusan Surau Sekolah. Berdasarkan

Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), perlantikan Jawatankuasa Pengurusan Surau Sekolah dibuat oleh Jawatankuasa Pengurusan Sekolah masing-masing. Jawatankuasa Pengurusan Surau Sekolah terdiri daripada,

- | | | | |
|----|---------------------------|---|---|
| 1. | Penasihat | : | Pengetua |
| 2. | Pengerusi | : | Penolong kanan HEM |
| 3. | Timbalan Pengerusi | : | Penolong Kanan Pentadbiran |
| | | : | Penolong Kanan Kokurikulum |
| | | : | Penyelia Petang |
| 4. | Naib Pengerusi | : | Ketua Bidang Kemanusiaan (Sek. Men.) |
| 5. | Setiausaha | : | Penyelaras MAKDIS (Dakwah) |
| 6. | Penyelaras | : | Guru |
| 7. | Bendahari | : | Guru |
| 8. | Ahli Jawatankuasa | : | Guru dan PIBG |
| 9. | Lain-lain AJK yang sesuai | : | Pengurusan Fizikal.
Pengurusan Kelengkapan / Peralatan (Inventori).
Pengurusan Aktiviti.
Pengurusan Kebersihan dan Keceriaan.
Pengurusan Kebajikan dan Keselamatan.
Pengurusan Penerbitan dan Mini Perpustakaan. |

Tugas Jawatankuasa Pengurusan Surau sekolah adalah sebagai berikut,

1. Memberi nasihat, pandangan dan idea kepada Jawatankuasa Surau.
2. Memastikan kemajuan dan kecemerlangan surau.

Manakala tugas sebagai Pengerusi ialah sebagai,

1. Penggerak utama kemajuan surau.
2. Mempengerusikan mesyuarat, perjumpaan dan taklimat.
3. Membantu dan bekerjasama dengan jawatankuasa ke arah pengurusan surau yang efisien dan sistematik.
4. Merancang aktiviti surau dan menyediakan jadual bertugas bersama AJK lain.
5. Memantau dan membuat penilaian aktiviti untuk pelaporan. Adapun tugas sebagai Timbalan Pengerusi & Naib Pengerusi surau sekolah ialah menjalankan tugas-tugas pengerusi semasa ketiadaannya. Membantu pengerusi dalam melaksanakan tugas-tugasnya (Bahagian Pendidikan Islam 2014).

Adapun tugas sebagai Setiausaha Surau ialah,

1. Membuat surat panggilan mesyuarat atas arahan Pengerusi.
2. Mengurus surat masuk keluar yang berkaitan.
3. Mencatat dan menyediakan minit mesyuarat.
4. Melaksana aktiviti surau dan jadual bertugas bersama-sama AJK lain.
5. Membantu dan berhubung rapat dengan pengerusi dan AJK lain.
6. Menyediakan fail untuk AJK.
7. Menerima arahan daripada pengerusi dari masa ke semasa.

Manakala tugas sebagai Naib Setiausaha ialah,

1. Menjalankan tugas-tugas setiausaha ketika ketiadaannya.
2. Memberi kerjasama kepada pengerusi dan setiausaha dalam pelaksanaan pengurusan aktiviti.
3. Menyediakan laporan aktiviti dan dokumentasi.
4. Membantu dan berhubung rapat dengan pengerusi, setiausaha dan AJK lain (Bahagian Pendidikan Islam 2014).

Berdasarkan pembahagian tugas setiausaha surau sekolah itu, guru yang dilantik berperanan penting memakmurkan surau sekolah bersama ahli jawatan kuasa lain. Kami sentiasa berganding bahu bekerja secara kumpulan merancang dan melaksanakan aktiviti surau sekolah. (Rukiah 2017).

Pengurusan dan pentadbiran surau sekolah menengah adalah melibatkan pengurusan fail dan surat keluar masuk yang disimpan dan direkodkan. Semua fail dan laporan kemajuan aktiviti surau sekolah diteliti berdasarkan garis panduan semasa rekod kerajaan. Pengkaji juga merujuk kepada instrument penilaian Anugerah Imarah Surau Sekolah, penilaian dan pemarkahan dalam pengurusan pentadbiran sebagai asas perbincangan dapatan kajian yang sangat penting kerana dokumentasi adalah melibatkan sistem fail dan rekod (Kementerian Pendidikan Malaysia 2016). Sistem fail adalah melibatkan pengurusan, minit mesyuarat, kewangan dan laporan aktiviti. Manakala rekod melibatkan stok, Inventori, (inventori bermaksud semua barang-barang takluak yang diperolehi atau diterima dari sesuatu punca untuk kegunaan surau sekolah seperti perabut, almari, kerusi, meja), buku pelawat dan penggunaan serta rekod pemantauan. Pengurusan terbahagi kepada lapan bahagian iaitu pengurusan kewangan, peraturan surau, fizikal dan peralatan, kebersihan dan keceriaan, aktiviti, kebajikan dan keselamatan. Jawatankuasa pengurusan surau yang dilantik oleh pihak sekolah merupakan penggerak tugas-tugas yang telah dirancang dan mereka akan menguruskan lapan sub pengurusan tersebut di atas bagi memastikan ianya bergerak secara sistematik. (Latifah 2017).

Berdasarkan hasil tinjauan pengkaji ke sekolah-sekolah yang disenaraikan dalam kajian ini mendapati pengurusan fail dan dokumentasi disusun dan diselaras dengan bersistematik menggunakan kaedah sistem fail. Pengurusan fail dan dokumentasi di surau sekolah adalah bertujuan untuk melicinkan dan melancarkan perjalanan organisasi. Di samping itu, ia merupakan satu keperluan asas untuk menyimpan rekod-rekod, dokumen-dokumen penting organisasi surau, catatan minit mesyuarat dan keputusan yang telah diambil dan program yang dilaksanakan. Selain itu, sesuatu rekod mudah dicari apabila diperlukan. Demikian juga semua fail dan dokumentasi dapat disimpan dengan selamat dan rekod tidak hilang. Kesan dari pengurusan fail yang sistematik dapat menambah kecekapan mentadbir dan mengurus sesebuah organisasi dan membuat rujukan apabila diperlukan. Bagi memudahkan pencarian fail, beberapa warna ditandakan pada kulit fail seperti warna hijau untuk aktiviti program, warna putih untuk kewangan dan warna merah jambu untuk urusan surat keluar masuk. Pengelasan fail pula adalah mengikut huruf abjad, ada yang menggunakan angka dan pengelasan mengikut perkara ditulis bagi setiap fail.

Berdasarkan pemerhatian pengkaji di semua surau SMK terpilih, sistem kemaskini fail, setiap guru-guru diagihkan tugas berdasarkan kepakaran mereka dalam sesuatu bidang. Pengurusan dalam sistem fail dan dokumentasi adalah melibatkan semua guru-guru dan tidak hanya tertumpu pada guru-guru Pendidikan Islam sahaja. Sebagai contoh, di SMK Sri Kukup seorang guru yang mengajar bidang perakaunan ditugaskan dalam menguruskan fail bahagian kewangan surau. Ini melibatkan penggunaan buku lejar bagi mengira aliran keluar masuk duit, buku panjar untuk perbelanjaan keperluan surau,

menyemak buku catitan setiap hari dan menyemak buku resit (Abdul Manaf 2017). Demikian juga pengurusan fail dan dokumentasi surau di SMK Alam Megah 2, diberi tanggungjawab kepada guru-guru Pendidikan Islam dalam menguruskan bahagian fail-fail aktiviti dakwah. Fail tersebut akan dikemaskini setiap minggu dan jika fail telah penuh mereka akan membuka fail sambungan baru (Norma 2017). Lazimnya fail hendaklah ditutup apabila telah mencapai 70-100 isi kandungan atau dilihat terlalu tebal. Fail yang ditutup tersebut dicatat dengan Jilid I. Manakala fail baru dibuka dicatat dengan Jilid II, dengan menggunakan nombor rujukan yang sama. Nombor siri surat menggunakan nombor baru iaitu bermula dengan satu (1). Setiap aktiviti yang dilaksanakan akan dimasukkan kertas kerja rancangan dan laporan yang telah disemak dan ditandatangani oleh pengetua sekolah. Semua dokumen yang difailkan disimpan di surau sekolah atau tempat yang mendapat perlindungan keselamatan daripada kebakaran, kemusnahan, kekotoran, bencana alam dan dicerobohi oleh orang yang tidak bertanggungjawab. Berdasarkan pemerhatian pengkaji di lapan buah surau sekolah yang terlibat dalam kajian ini mendapat fail-fail dibahagikan kepada Fail Pengurusan, Fail Pengurusan Aktiviti & Dokumentasi Bergambar, Buku Stok dan Inventori, Buku Pelawat, Buku Rekod Penggunaan, Buku Rekod Pemantauan. Ini menunjukkan bahawa pentadbiran surau sekolah menengah mempunyai sistem pengurusan yang kemas dan tersusun.

Kelengkapan dan Peralatan Surau

Surau sekolah merupakan salah satu tempat pelajar menghabiskan sebahagian daripada masa persekolahannya dengan melakukan aktiviti pnp Pendidikan Islam, melakukan ibadat solat, mengulangkaji pelajaran atau berehat. Suasana dalam surau atau di luar surau yang ceria dan kondusif dapat menentukan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran. Suasana surau sekolah mungkin menjadi 'kawan' atau 'lawan' dalam proses pembelajaran semasa di sekolah. Oleh itu, menjadi suatu tanggungjawab kepada pihak pengurusan surau sekolah menyediakan kelengkapan yang baik dan susun atur yang sempurna bagi keselesaan pelajar. Surau sekolah yang serba lengkap dengan peralatan keperluan asas seperti hawa dingin, kipas angin, lampu yang terang dilihat sebagai daya penarik kepada pelajar untuk melakukan aktiviti ibadah, aktiviti pembelajaran, tempat berehat dan sebagainya.

Antara kelengkapan surau yang perlu disediakan papan tanda nama surau, tanda arah kiblat, garisan saf / sejadah, takwim / jadual waktu solat, jam dinding, papan kenyataan luar / dalam, *white board* / papan hitam, tirai / papan pemisah, langsir tingkap, rostrum / meja kuliah mimbar untuk berkhotbah, rehal untuk letak al-Qur'an, tabung derma surau, almari untuk sejadah, rak al-Qur'an / kitab kain telekung, sudut bacaan, mini perpustakaan, rak kasut dan cermin muka untuk lelaki serta wanita. Semua kelengkapan ini amat bermanfaat kepada pengguna surau khususnya para pelajar sekolah. Kebanyakan surau-sarau yang dikunjungi mempunyai kemudahan fizikal asas seperti tempat wuduk untuk lelaki dan perempuan, lampu, tandas dan kipas. Walau bagaimanapun, Surau al-Falah SMK Sri Kukup, Johor tidak mempunyai tandas disebabkan tidak mempunyai ruang yang sesuai. Terdapat lima buah surau sekolah dilihat mempunyai kipas dan penyaman udara di ruang solat seperti Surau al-Kauthar SMK Alam Megah 2, Selangor, Surau An-Nur SMK Sultan Yusuff, Perak, Surau Hasanah SMK Sri Kurau, Perak, Surau Insaniah, SMK Dato' Harun, Selangor, Surau al-Falah, SMK Sri Kukup, Johor. Kebanyakan surau-sarau ini mendapat peruntukan kewangan, bahan-bahan binaan dan upah tenaga kerja daripada pihak-pihak luar. Tempat wuduk dilihat ada yang menggunakan kolah dan paip biasa. Setiap surau mempunyai dua buah tempat wuduk untuk lelaki dan perempuan. Inovasi berkaitan tempat air wuduk dilihat menjadi satu tempat untuk dicetuskan pelaksanaan inovasi idea di beberapa surau sekolah. Terdapat dua buah surau yang melaksanakan inovasi takungan air hujan sebagai suatu langkah penjimatan penggunaan paip air. Surau al-Hasanah, SMK Sri Kurau, Perak merupakan pencetus yang memberi idea dalam melaksanakan takungan air hujan. Ia diikuti oleh Surau Insaniah, SMA

Mahmudiah, Terengganu. Manakala dua buah surau sekolah turut melaksanakan inovasi yang berkaitan dengan kitaran semula lebih air wuduk seperti Surau An-Nur, SMK Sultan Yusuff, Perak dan surau al-Ikhlash, SMK Sultan Omar, Terengganu. Inovasi yang telah dicipta dilihat dapat memanfaatkan kepada seluruh warga sekolah dan ini menjadikan surau berjaya melahirkan pelajar-pelajar yang kreatif dan berbakat dalam mencetuskan idea. Keseluruhan surau sekolah yang dilawati dilihat sangat menekankan perhiasan pada sudut pameran dan landskap. Ini dapat dilihat berdasarkan wujudnya inovasi fizikal yang dicipta oleh para pelajar bersama guru.

Berdasarkan temu bual bersama Abdul Rahim Abdul Rahman (2017), beliau bersetuju bahawa pihak sekolah hendaklah sentiasa memberi kefahaman dan kesedaran kepada para pelajar tentang saling menjaga peralatan surau sekolah dengan baik dan menjauhkan sifat merosakkan harta benda surau. Pelajar senior hendaklah memberi tunjuk ajar kepada pelajar junior tentang kepentingan menjaga harta benda surau daripada dirosakkan atau dikhianati oleh pelajar lain. Ini kerana kami sebagai guru tidak mungkin dapat mengawal semua peralatan surau tanpa dibantu oleh pelajar senior. Pelajar sekolah perlu dididik untuk menghargai kemudahan awam seperti peralatan surau dan sebagainya. Hasil daripada guru memberi kesedaran kepada para pelajar tentang pentingnya menjaga peralatan surau sekolah, semua pelajar dilihat memberi kerjasama menjaga peralatan surau sekolah dengan baik.

Pentadbir Surau yang Ideal

Asas seorang pentadbir dan pengurus yang cemerlang ialah keimanan dan tunduk kepada peraturan Allah SWT seperti mana firman-Nya dalam Surah al-Imran 3:32 bermaksud, “Katakanlah (wahai umat manusia), “Taatlah kamu kepada Allah dan rasul-Nya. Oleh itu, jika kamu berpaling (menderhaka), maka sesungguhnya Allah SWT tidak suka kepada orang-orang yang kafir”. Berdasarkan maksud ayat tersebut menjelaskan segala pekerjaan yang dilaksanakan oleh umat Islam samada yang memimpin atau yang dipimpin hendaklah berpandukan kepada perintah al-Qur’an dan *al-sunnah*. Mereka yang menanggung suatu amanah Allah SWT iaitu sebagai pemegang amanah mengurus tadbir organisasi surau dengan baik dan jika tidak diuruskan organisasi surau, Allah SWT akan dipersoalkan kelak pada hari pembalasan. Menerusi konsep ini akan lahir pentadbir, pengurus, ahli jawatankuasa surau dan masyarakat yang melaksanakan tugas-tugas mereka kerana Allah SWT semata-mata tanpa mengharap apa-apa kepentingan duniawi.

Selain itu, seorang yang dilantik sebagai pengurus tadbir surau sekolah hendaklah mempunyai ilmu pengurusan yang mencukupi. Jawatankuasa surau mesti mempunyai ilmu pengurusan jika inginkan surau terurus dengan baik. Sesungguhnya tidak sama surau yang diuruskan oleh mereka yang kurang berpengetahuan dengan yang mempunyai pengetahuan pengurusan. Hal ini dapat diambil iktibar berdasarkan firman Allah SWT dalam Surah al-Zumar 39:9 yang bermaksud, “Katakanlah wahai Rasul, “Adakah sama orang-orang yang mengetahui (berilmu pengetahuan) dengan orang-orang yang tidak mengetahui?”. Menurut Sidi Gazalba (1975), orang yang berhak untuk menjadi imam (pemimpin) itu adalah mereka yang paling mendalam ilmu pengetahuannya dan memiliki sifat-sifat yang terbaik. Antaranya ialah sifat amanah iaitu suatu sifat yang penting dimiliki oleh para pentadbir agar menjamin pengurusan surau berjalan dengan baik. Tanpa amanah institusi surau tidak akan mencapai objektif seperti yang dikehendaki dalam Islam. Selaras dengan satu tuntutan al-Qur’an dalam Surah al-Anfal 8:27 yang bermaksud, “Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu mengkhianati Allah SWT dan rasul-Nya dan janganlah kamu mengkhianati amanah yang diberi kepercayaan kepada kamu, sedang kamu mengetahui”.

Selain memiliki sifat amanah, setiap orang yang terlibat dalam pengurusan organisasi surau sekolah mestilah mampu bersikap adil. Maksud adil dalam tulisan ini ialah pentadbir surau dapat membahagikan masa dan tenaga dengan seimbang bagi memajukan aktiviti surau sekolah. Kenyataan ini selaras dengan ayat al-Quran dalam Surah al-Maidah 5:8 bermaksud,

Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah, lagi menerangkan kebenaran; dan jangan sekali-kali kebencian kamu terhadap sesuatu kaum itu mendorong kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil (kepada sesiapa jua) kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa. Dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan”.

Menurut Mazlan Ismail dan Muhammed Yusof (2018), para pengurus surau sekolah yang terdiri dari pelbagai bidang pendidikan hendaklah sentiasa berakhlak mulia dan tingkahlaku itu dipamirkan dalam bentuk tindakan bersepadu rohani dan jasmani. Akhlak mulia merupakan di antara kriteria yang harus dimiliki oleh umat Islam. Mereka mestilah berperanan sebagai pendidik dan pembimbing kepada masyarakat sekitar ke arah kebaikan hidup di dunia dan akhirat. Mereka juga hendaklah termasuk dalam kalangan orang yang berpengetahuan dalam bidang pengurusan dan pentadbiran surau tersebut bagi menjamin tugas dan tanggungjawab dapat dilaksanakan dengan baik.

Pengurusan Kewangan yang Cekap

Pengurusan kewangan yang cekap merupakan salah satu faktor utama bagi kecemerlangan urus tadbir surau. Menurut Soaib Asimiran (2003), sumber kewangan adalah sebagai faktor penentu dan pengawal utama kepada sistem pengurusan organisasi sekolah. Ini kerana setiap aktiviti yang dirancang memerlukan kos atau perbelanjaan yang besar untuk menyediakan bahan dan peralatan yang diperlukan untuk menjayakan sesuatu aktiviti yang akan dilaksanakan. Sementara itu, Steiss (2003) mengatakan secara umumnya mendefinisikan pengurusan kewangan sekolah adalah suatu perancangan menyeluruh yang meliputi pelbagai bentuk urusan seperti pembelian barangan, pembayaran perkhidmatan, aktiviti dan termasuk juga projek kecil mahupun projek mega. Pengurusan kewangan merupakan satu bidang yang memerlukan kebijaksanaan dan integriti pihak pentadbir terutamanya ketua organisasi atau dan pengetua sekolah. Tidak terkecuali juga keseluruhan warga organisasi atau sekolah itu sendiri yang bertindak sebagai pengawal kewangan surau sekolah. Oleh yang demikian, pengurusan kewangan surau sekolah juga hendaklah diurus tadbir dengan cekap seperti yang telah ditetapkan dalam Akta Pendidikan Malaysia tahun 1996. Ini kerana pengurusan kewangan surau sekolah yang cekap dapat memberi impak positif terhadap urus tadbir surau sekolah (Asmah 2017).

Pada asasnya Kementerian Pendidikan hanya memberi peruntukan kewangan bagi pembinaan bilik sembahyang sahaja. Namun bagi pembinaan surau, tiada peruntukan diberikan. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2015), sumber pendapatan kewangan surau sekolah menengah lazimnya diperoleh daripada sumber berikut,

1. Mendapat peruntukan tahunan daripada PIBG bagi melaksanakan aktiviti surau dan aktiviti keagamaan.
2. Derma / infak tahunan daripada setiap pelajar atas kadar budi bicara pihak sekolah.
3. Derma / infak tahunan daripada guru dan kakitangan atas ketetapan pihak sekolah.
4. Pihak sekolah boleh memohon sumber-sumber kewangan daripada agensi seperti institusi zakat, yayasan dan sebagainya.

5. Sumbangan ikhlas daripada pihak-pihak yang dibenarkan.
6. Pihak sekolah digalakan membuat projek jualan amal yang bersesuaian dengan kemampuan ibubapa pelajar.
7. Boleh memohon bantuan daripada Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Berdasarkan garis panduan tersebut, pihak sekolah yang berhasrat membina surau sendiri boleh memohon bantuan daripada individu, orang ramai, pihak swasta dan melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (lihat Pekeliling Ikhtisas BIL. 14/1998). Walaupun begitu, pihak sekolah menengah hari ini berjaya membangunkan sebuah surau yang sesuai dengan kemampuan guru dan pelajar sekolah tersebut. (Rukiah 2017).

Jika dilihat kepada bidang tugas sebagai Bendahari surau sekolah ialah,

1. Menguruskan hal ehwal kewangan surau dan menyediakan laporan penyata kewangan.
2. Merancang usaha-usaha untuk mengisi tabung surau bersama AJK lain.
3. Membantu dan berhubung rapat dengan pengerusi, setiausaha dan AJK lain.

Manakala tanggungjawab Ahli Jawatankuasa surau sekolah ialah,

1. Memberi kerjasama kepada pengerusi, setiausaha, bendahari dan jawatankuasa lain dalam pelaksanaan pengurusan aktiviti.
2. Menjalankan tugas mengikut bidang tugas jawatankuasa masing-masing.
3. Menghadiri mesyuarat yang diadakan.
4. Melantik dan membentuk jawatankuasa kecil.
5. Menyediakan laporan aktiviti yang dilaksanakan (Bahagian Pendidikan Islam 2014).

Urus tadbir pengurusan kewangan surau sekolah adalah penting untuk dibincangkan dalam tulisan ini kerana ia dilihat sebagai faktor penyumbang kepada kecemerlangan urus tadbir surau sekolah. Manakala perbelanjaan bagi melaksanakan aktiviti surau hendaklah diurus dengan berhemah oleh semua ahli jawatankuasa terlibat. Oleh yang demikian, perbelanjaan pengurusan aktiviti-aktiviti surau perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Pengurusan Surau Sekolah. Mohd Richard (2013) menyatakan bagi membuktikan sistem urus tadbir surau sekolah yang cekap, setiap perbelanjaan hendaklah direkodkan dengan disertakan resit atau sebagainya. Menurut Siti Alawiah Siraj Shahul Hameed (2008), pengurusan kewangan tidak hanya bertujuan bagi memastikan sumber organisasi adalah mencukupi bagi melaksanakan aktiviti tetapi yang lebih penting adalah untuk mempamerkan akauntabiliti (kebertanggungjawaban). Pengurusan kewangan surau sekolah yang mantap adalah penting bagi memastikan urus tadbir surau sekolah dapat melaksanakan aktiviti yang dirancang berjalan dengan baik. Kelemahan dalam akauntabiliti boleh mendorong berlakunya penyelewengan seperti penipuan, kecurian dan aktiviti yang menyalahi undang-undang.

Mohd Yahya (2014) menjelaskan dana surau menengah di Malaysia lazimnya diperoleh daripada pelbagai sumber seperti sumbangan individu, sumbangan tidak berkala seperti sedekah, hibah serta wakaf, sumbangan orang awam digunakan untuk membayar bil utiliti, bayaran sagu hati kepada penceramah, membeli peralatan surau dan membaiki kerosakan kecil pada surau sekolah. Menurut Shahril @ Charil Marzuki (2006), pengurusan kewangan surau sekolah yang cekap dan berhemah adalah merupakan satu aspek penting yang menjadi tonggak kejayaan sesebuah sekolah kerana ia akan diaudit pada penghujung setiap tahun. Menurut Mohd Richard (2013), bagi memastikan pengurusan kewangan surau sekolah diurus tadbir dengan baik, penyediaan carta organisasi amat penting dikemaskini dari

semasa ke semasa bertujuan untuk memudahkan pihak sekolah memantau dan memastikan setiap pihak yang bertanggungjawab memainkan peranan dalam melaksanakan tugas masing-masing.

Sementara itu, Mohd Richard (2013) juga menjelaskan pengetua hendaklah terlebih dahulu memahami hal-hal yang berkaitan pengurusan kewangan surau sekolah dengan menyediakan perancangan perbelanjaan dengan lebih terperinci agar dasar perancangan kerja dan tugas-tugas pengurusan dapat dibentuk dan diagih. Ini kerana pengurusan kewangan yang berkesan dapat mengelak sebarang pembaziran. Jika penyelewengan berlaku ia dapat dikawal pada peringkat awal. Zaidatol Akmaliah (2005) mengatakan pengurusan kewangan yang bersistematik akan memberi impak positif terhadap urus tadbir surau sekolah secara keseluruhannya. Oleh yang demikian bagi memastikan surau diurus dengan berkesan pengetua sekolah hendaklah memiliki kecekapan dan kebijaksanaan yang tinggi. Hasilnya aspek pengurusan kewangan surau sekolah diurus tadbir dengan berkesan dan berhemah. Ini memudahkan tugas memantau dan menyemak rekod-rekod kewangan yang diuruskan oleh pegawai kewangan sekolah secara berterusan. Kelemahan sistem urus tadbir kewangan surau sekolah kini dilihat suatu masalah kewangan utama yang menyebabkan kebanyakan surau-sarau sekolah berkenaan tidak sempurna dan kurang sesuai untuk menampung jumlah guru dan pelajar, khususnya semasa menjalankan aktiviti keagamaan.

Berdasarkan temu bual pengkaji bersama Wan Mohd Najmi Wan Abdul Rahman (2017), beliau menjelaskan bahawa biasanya bagi mendapatkan duit derma daripada orang ramai, mereka akan melancarkan kempen dengan mensasarkan ibubapa pelajar serta kakitangan sekolah sebagai penyumbang. Para penderma digalakan memberi sumbangan dalam bentuk cek atau tunai dan memasukkan ke dalam akaun bank surau atau tabung yang disediakan oleh pihak surau sekolah. Sementara itu, Normah Kinto (2017) menjelaskan wang derma daripada orang awam digunakan untuk aktiviti pengimarah surau seperti mengadakan jamuan majlis khatam al-Qur'an, ceramah kecemerlangan pelajar, kem motivasi pelajar, pengurusan dan pentadbiran surau, membaiki kerosakan kecil bangunan solat, bilik wuduk, tandas dan sebagainya. Manakala bayaran bil air, bil elektrik, penjagaan kebersihan luar dan dalam surau termasuk penyelenggaraan pembaikan bangunan surau diuruskan oleh pihak sekolah.

Pengisian Aktiviti Dakwah

Aspek pengimarah surau sekolah amat penting supaya kewujudannya di kawasan sekolah dimanfaatkan semaksima mungkin. Antara bentuk program yang sesuai dilaksanakan di surau sekolah ialah kaedah pengajaran dan pembelajaran, ceramah, usrah, forum, khemah ibadah, debat, berdasarkan kurikulum kementerian. Mohd Azam (2011), menjelaskan guru merupakan individu yang mempunyai tanggungjawab sebagai pendakwah, ia disebabkan mereka ialah golongan yang memiliki ilmu pengetahuan dan bertanggungjawab untuk menyampaikannya dengan menjadikan surau sebagai wadah dakwah. Guru mempunyai tanggungjawab yang sangat penting selain daripada menyampikan ilmu pengetahuan, mereka turut bertanggungjawab bertindak sebagai pendakwah yang berperanan untuk membentuk dan mendidik akhlak pelajar. Norhisham Muhamad (2015), berpendapat dalam bidang akidah, para pelajar wajib mempelajari asas akidah, pemantapan iman, faktor yang merosakkan iman, memupuk sikap tanggungjawab murid terhadap Allah SWT dan rasul, diri sendiri, keluarga, masyarakat, alam sekitar dan negara. Manakala di dalam teras ibadah pula, para pelajar akan mempelajari kaedah pelaksanaan ibadah yang meliputi perkara fardu ain dan fardu kifayah. Para pelajar diberikan penekanan terhadap perlakuan amali ibadah seperti perlakuan berwuduk, bertayamum, solat dan sebagainya. Bidang akhlak Islamiah pula bertujuan untuk melahirkan murid yang bertakwa, bertanggungjawab dan berakhlak mulia dalam kehidupan seharian. Pengajaran adab dan akhlak Islamiah

meliputi hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan sesama manusia yang diajar melalui tema-tema tertentu seperti adab terhadap rakan, guru, ibu bapa, alam sekitar dan negara (lihat Bahagian Pendidikan Islam 2004).

Pelaksanaan aktiviti dakwah di surau sekolah menengah kebangsaan terpilih di Malaysia memberi kesan jangka panjang kepada pelajar ke arah pembinaan peribadi Muslim yang berakhlak mulia. Program dakwah berbentuk harian, mingguan, bulanan dan bentuk berkala yang dilaksanakan di surau sekolah dapat mengurangkan gejala sosial dalam kalangan pelajar sekolah dan masalah disiplin sekolah di kalangan pelajar sekolah menengah kebangsaan dapat dibendung dari semasa ke semasa kesan daripada aktiviti dakwah di sekolah. Pelajar menggunakan waktu yang bermanfaat semasa berada di waktu persekolahan dengan menghadiri aktiviti kerohanian yang mendidik perkembangan intelektual.

KESIMPULAN

Berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa surau sekolah mempunyai peranan yang amat besar dalam membentuk Muslim yang berilmu, beriman dan beramal soleh. Juga membentuk peribadi mulia ke arah melengkapkan diri serta bertanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah SWT yang bertakwa. Surau sekolah terpilih dalam kajian ini pada umumnya dapat memenuhi spesifikasi yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Surau sekolah perlu dilengkapi dengan kabinet untuk penyimpanan barangan solat. Penggunaan ruang yang efektif di surau sekolah boleh membawa persekitaran yang kondusif dan menyeronokkan. Ruang dalaman surau sekolah boleh dibahagikan kepada ruang sembahyang, ruang serba guna, ruang wanita, ruang pusat sumber, ruang wuduk lelaki dan wanita. Penggunaan ruang di surau sekolah bergantung kepada saiz bangunan surau sekolah dan kemudahan yang ada. Pengagihan ruang di surau sekolah perlu dirancang dengan teliti terlebih dahulu dan harus bersesuaian setelah mengambil kira peralatan dan perabot yang akan dimuatkan dalam surau tersebut. Manakala pengisian program di surau-sarau sekolah dapat membantu pembelajaran para pelajar melaksanakan ajaran Islam dengan lebih konsisten kerana mereka mendapat bimbingan daripada para guru. Di samping itu usaha pembentukan akhlak pelajar yang menjadi asas kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan menjadi realiti.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih ditujukan kepada pembiayai geran penyelidikan ini iaitu RIMC, Universiti Pendidikan Sultan Idris, No. Kod Geran Penyelidikan Universiti: 2016-0119-107-01.

RUJUKAN

al-Qur'an al-Karim.

Ab. Halim Tamuri, Shahrin Awaluddin & Tajul Ariffin Nordin. 2001. Fungsi surau dan keberkesannya dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam: Satu kajian di sekolah-sekolah menengah Negeri Selangor. Laporan Penyelidikan Jangka Pendek GG06/2001. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ab. Halim Tamuri, Shahrin Awaluddin & Tajul Ariffin Nordin. 2003. *Aktiviti dan Fungsi Surau Sekolah dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam di Sekolah-Sekolah Menengah*. Bangi: Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Abdul Manaf Ubaidullah. 2017. Surau SMK Sri Kukup. Temu bual, 22 Februari.

Abdul Rahim Abdul Rahman. 2017. Surau SMK Sri Kukup, Pontian Johor. Temu bual, 22 Februari.

- Abdullah Basmeih. 2000. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Asmah Samian. 2017. SMK Tanjung Karang. Temu bual, 23 Februari.
- Bahagian Pendidikan Islam. 2014. *Panduan Pengurusan dan Pengimarah Surau Sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia 2014*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Islam, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bani Hidayat Mohd Shafie & Nor Hayati Fatmi Talib. 2015. Pengimarah surau dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah. Dlm. *Pemeriksaan Pendidikan Islam dalam Cabaran Zaman*, hlm. 55-70. Bangi: Persatuan Intelek Muslim Malaysia.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Ab. Halim Tamuri, Kamarulzaman Abdul Ghani & Nor Hayati Fatmi Talib. 2014. Persepsi murid terhadap penggunaan surau sekolah di sekolah menengah kebangsaan di Malaysia. *The Online Journal of Islamic Education* 2(1): 76-85.
- Bani Hidayat Mohd Shafie, Norhayati Fatmi Talib, Hajarul Bahti Zakaria, Mohd Huzairi Husain, Nabiroh Kassim & Ab. Halim Tamuri. 2010. Penerapan elemen-elemen ergonomik di persekitaran surau sekolah dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam di sekolah menengah. *Proceedings of the 4th International Conference on Teacher Education*, hlm. 178-188.
- Castaldi, Basil. 1994. *Educational Facilities; Planning, Modernization and Management*. Ed. ke-4. Boston: Allyn and Bacon.
- Gazalba, Sidi. 1975. *Masjid: Pusat Ibadat dan Kebudayaan Islam*. Cet. ke-3. Jakarta: Pustaka Antara.
- Ibrahim Mohammad. 2004. Peranan surau sekolah dalam pembangunan sahsiah murid Islam di sekolah menengah Daerah Kulai, Johor. Tesis Sarjana. Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.
- Jabatan Pendidikan Islam dan Moral. 2004. *Huraian Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam: 2004*. Kuala Lumpur: Jabatan Pendidikan Islam dan Moral.
- Jasmi Amin. 2011. Penggunaan surau dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah menengah kebangsaan di Negeri Melaka. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jasmi, K.A. & Ilias, M.F. 2011. Penggunaan masjid dan persekitaran sekolah dalam amalan pengajaran dan pembelajaran guru cemerlang Pendidikan Islam sekolah menengah di Malaysia. *Prosiding Seminar Pengurusan Masjid Inovatif Peringkat Antarabangsa*. https://www.researchgate.net/publication/293097644_Penggunaan_Masjid_dan_Persekitaran_Sekolah_dalam_Amalan_Pengajaran_dan_Pembelajaran_Guru_Cemerlang_Pendidikan_Islam_Sekolah_Menengah_di_Malaysia.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2012. *Pelan Strategik Interim Kementerian Pelajaran Malaysia 2011-2020*. Putrajaya: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2016. *Laporan Instrumen Penilaian Anugerah Surau Imarah Sekolah-sekolah KPM Peringkat Kebangsaan Tahun 2016*. Putrajaya: Bahagian Pendidikan Islam.
- Khairul Muna Hashim & Khazri Osman. 2018. Sumbangan 'Anugerah Surau Imarah KPM' terhadap pembentukan akhlak mahmudah pelajar. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor* 3(2): 1-11.
- Latifah Mohamad. 2017. SMK Sultan Yusuff. Temu bual, 15 Mac.
- Mazlan Ismail & Muhammed Yusof. 2018. Pengimarah surau dan musala di sekolah-sekolah KPM dan implikasinya terhadap komuniti. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah* 5(2): 24-38.
- Mohd Azam Mahat & Fakhru Adabi Abd. Kadir. 2011. Perlaksanaan program dakwah di sekolah sebagai suatu tuntutan terhadap falsafah pendidikan kebangsaan. *Prosiding International Conference on Humanities 2011*, hlm. 1-10.
- Mohd Richard Neles Abdullah. 2013. Pengurusan kewangan di sekolah kebangsaan dan sekolah menengah kebangsaan: Satu kajian kes. *Jurnal Penyelidikan IPG KBL* 11: 1-23.

- Mohd Yahya Mohd Hussin, Fidlizan Muhamamd, Azila Abdul Razak & Nurul Fadly Habidin. 2014. Eksplorasi dana kewangan masjid di Negeri Perak *Jurnal Syariah* 22(1): 1-20.
- Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi. 2008. *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Norhisham Muhamad. 2015. Biah solehah dan penghayatan akhlak pelajar sekolah menengah kebangsaan agama. Tesis Dr. Fal. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Norma Ismail. 2017. Surau al-Kauthar, SMK Alam Megah 2, Shah Alam Selangor. Temu bual, 25 April.
- Normah Kinto. 2017. SMK Tanjung Karang. Temu bual, 23 Februari.
- Pekeliling/Surat rasmi, Bahagian Pendidikan Islam, KP. 5206 /12/5/ (17), 2 Mac 1989.
- Rosli Ibrahim. 2011. Penilaian pelajar terhadap fungsi surau dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah harian di Daerah Pasir Mas Kelantan. Kertas Projek Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rukiah Mahmud. 2017. SMK Sultan Yusuff. Temu bual, 15 Mac.
- Rusiah Saad. 2006. Surau sekolah sebagai wadah pendidikan. Tesis Sarjana. Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Shahril @ Charil Marzuki. 2006. *Mengurus Kewangan Sekolah*. Ed. ke-2. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing.
- Siti Alawiah Siraj, Shahul Hameed Mohamed Ibrahim & Maliah Sulaiman. 2008. Pengurusan kewangan mempamirkan akauntabiliti. Dlm. Mohd. Ismail Mustari & Kamarul Azmi Jasmi (pngr.). *Pengurusan Berkualiti Memacu Kecemerlangan Pengurusan Masjid*, hlm. 67-80. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Soaib Asimiran. 2003. Pengurusan kewangan dalam pendidikan. Dlm. Zaidatol Akmaliah Lope Pihie & Foo, S.F. (pnyt.). *Pengurusan & Kepemimpinan Pendidikan: Satu Langkah ke Hadapan*, hlm. 74-89. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Steiss, A.W. 2003. *Strategic Management for Public and Nonprofit Organizations*. New York: Marcel Dekker.
- Surat Pekeliling Ikhtisas (SPI) SPI Bil. 14/1998 - Garis Panduan Pembinaan Surau Sekolah Rendah & Menengah.
- Surat Pekeliling Ikhtisas BIL. 14/1998. Garis Panduan Pembinaan Surau Sekolah Rendah & Menengah, Rujukan Fail, KP (BS) 8591/Jld. XIV/(14), bertarikh 22 Jun 1998.
- Syamsul Bahri Andi Galigo, Khairunneezam Mohd Noor, Wan Mohd Fazrul Azdi Wan Rozali & Rozita Abdullah (pnyt.). 2005. *Membangun Masyarakat Moden yang Berilmu & Berakhlak*. Nilai: Kolej Universiti Islam Malaysia.
- Wan Mohd Najmi Wan Abdul Rahman. 2017. Surau al-Hasanah, SMK Seri Kurau. Temu bual, 19 April.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie. 2005. *Pentadbiran Pendidikan*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.